

SEKITAR PERAYAAN HARI RAYA AIDILADHA

Nenek bersyukur cucu dapat makan daging

Aug 12, 2019 | 05:30 AM

SHAHIDA SARHID



HABUAN BERNILAI: Cik Rahmah menerima daging korban daripada Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim. - Foto BH oleh JEREMY KWAN

MENIKMATI daging kambing merupakan satu kemewahan bagi Cik Rahmah Jabbar, 59 tahun, yang perlu menjaga enam orang cucu.

Pada hari-hari biasa, nenek yang bekerja sebagai pekerja pembersihan ini hanya mampu membeli ayam sahaja buat cucu-cucu kesayangannya yang berusia antara sembilan tahun dengan 13 tahun.

"Kalau nak beli daging tu, memang tak mampulah sebab mahal. Jadi memang bersyukur sangat dapat makan daging hari ini," katanya yang meraih gaji sekitar \$1,200 sebulan. Ibu bapa cucu-cucunya kini di penjara kerana kesalahan berkaitan dadah.

Justeru beliau bersyukur apabila merupakan antara 100 penerima agihan daging korban anjuran Jamiyah Singapore di Darul Islah, tengahari semalam.

Sebanyak 120 kambing telah dikorbankan hasil sumbangan penderma dengan 20 daripada kambing tersebut disumbangkan Kedutaan Amiriah Arab Bersatu (UAE).

Tetamu terhormat, Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, telah mengagihkan daging korban kepada para penerima dengan setiap seorang menerima 2 kilogram daging.

Selain Jamiyah, penerima lain termasuk mereka yang di dalam senarai penerima Masjid Darulssalam, Masjid Hasanah, Pusat Khidmat Keluarga (FSC) Rotary dan @27FSC.

Menurut Dr Faishal nilai keihisan yang ditonjolkan masyarakat setempat untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik mencerminkan semangat jitu masyarakat.

Mengulas tentang penglibatan kedutaan UAE dalam acara tersebut, Dr Faishal berkata:

"Apabila kita menonjolkan semangat keihisan dalam kalangan warga kita, masyarakat daripada negara lain dapat melihat nadi dan semangat inklusif yang kita paparkan dan ini akan dicontohi masyarakat negara lain," ujarnya.

Setiausaha Pertama Kedutaan UAE, Encik Mohamed Alfalahi, yang turut hadir, akur bahawa semangat keihisan dan bantu-membantu ini merupakan nilai yang turut dikongsi negaranya.

"Singapura merupakan negara yang dekat dengan kami justeru kami bersemangat mahu turut serta dan menyumbang bagi membantu masyarakat yang memerlukan di sini," katanya.

Ini merupakan tahun ketiga kedutaan UAE menyumbang kepada usaha ini.

Cik Rahmah yang menerima pek makanan daripada Jamiyah Singapore, sekali setiap dua bulan berkata beliau terharu dengan semangat yang ditonjolkan masyarakat untuk membantu mereka yang memerlukan sepertinya.

"Memang bukan mudah untuk membesarkan cucu-cucu saya seorang diri tetapi Alhamdulillah dengan adanya bantuan daripada pelbagai pihak termasuk pengagihan daging korban ini, sekurang-kurangnya kami dapat juga merasa daging yang jarang dapat kami nikmati," katanya yang akan memasak rendang dengan daging kambing korban itu.



19



Kongsi



Beli artikel untuk terbitan semula.

Nenek bersyukur cucu dapat makan daging



HABUAN BERNILAI: Cik Rahmah menerima daging korban daripada Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim. – Foto BH oleh JEREMY KWAN

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

MENIKMATI daging kambing merupakan satu kemewahan bagi Cik Rahmah Jabbar, 59 tahun, yang perlu menjaga enam orang cucu.

Pada hari-hari biasa, nenek yang bekerja sebagai pekerja pembersihan ini hanya mampu membeli ayam sahaja buat cucu-cucu kesayangannya yang berusia antara sembilan tahun dengan 13 tahun.

“Kalau nak beli daging tu, memang tak mampulah sebab mahal. Jadi memang bersyukur sangat dapat makan daging hari ini,” katanya yang meraih gaji sekitar \$1,200 sebulan. Ibu bapa cucu-cucunya kini di penjara kerana kesalahan berkaitan dadah.

Justeru beliau bersyukur apabila merupakan antara 100 penerima agihan daging korban anjuran Jamiyah Singapore di Darul Islah, tengahari semalam.

Sebanyak 120 kambing telah dikorbankan hasil sumbangan penderma dengan 20 daripada kambing tersebut disumbangkan Kedutaan Amiriah Arab Bersatu (UAE).

Tetamu terhormat, Setiausaha Parlimen Kanan (Pembangunan Sosial dan Keluarga merangkap Pendidikan), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, telah mengagihkan daging korban kepada para penerima dengan setiap seorang menerima 2 kilogram daging.

Selain Jamiyah, penerima lain termasuk mereka yang di dalam senarai penerima Masjid Darulssalam, Masjid Hasanah, Pusat Khidmat Keluarga (FSC) Rotary dan @27FSC.

Menurut Dr Faishal nilai keihisanan yang ditonjolkan masyarakat setempat untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik mencerminkan semangat jitu masyarakat.

Mengulas tentang penglibatan kedutaan UAE dalam acara tersebut, Dr Faishal berkata:

“Apabila kita menonjolkan semangat keihisanan dalam kalangan warga kita, masyarakat daripada negara lain dapat melihat nadi dan semangat inklusif yang kita paparkan dan ini akan dicontohi masyarakat negara lain,” ujarnya.

Setiausaha Pertama Kedutaan UAE, Encik Mohamed Alfalahi,

yang turut hadir, akur bahawa semangat keihisanan dan bantu-membantu ini merupakan nilai yang turut dikongsi negaranya.

“Singapura merupakan negara yang dekat dengan kami justeru kami bersemangat mahu turut serta dan menyumbang bagi membantu masyarakat yang memerlukan di sini,” katanya.

Ini merupakan tahun ketiga kedutaan UAE menyumbang kepada usaha ini.

Cik Rahmah yang menerima pek makanan daripada Jamiyah Singapore, sekali setiap dua bulan berkata beliau terharu dengan semangat yang ditonjolkan masyarakat untuk membantu mereka yang memerlukan sepertinya.

“Memang bukan mudah untuk membesarkan cucu-cucu saya seorang diri tetapi Alhamdulillah dengan adanya bantuan daripada pelbagai pihak termasuk pengagihan daging korban ini, sekurang-kurangnya kami dapat juga merasa daging yang jarang dapat kami nikmati,” katanya yang akan memasak rendang dengan daging kambing korban itu.